

252692
KEW.100-10/5 Klt.15/(196)
11 Disember 2001

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
NO.9/2001 – PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN DAN
PEMBELIAN KOMPUTER**

Dengan segala hormatnya, saya menarik perhatian Datuk/tuan/puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri telah mewujudkan satu Unit Kumpulan Sokongan IT (Unit KSIT). Tujuan pewujudan Unit KSIT ini adalah untuk menyelenggara dan membaiki komputer dan aksesori. Oleh itu, jika terdapat kerosakan atau keperluan untuk menyelenggara komputer dan aksesori di jabatan/agensi Datuk/tuan/puan, silalah berhubung dengan:

**Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU**

3. Dimaklumkan juga, jika terdapat cadangan untuk membeli komputer dan aksesori serta untuk menaiktaraf komputer sedia ada, kelulusan Kementerian Kewangan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

4. Perhatian serta kerjasama pihak Datuk/tuan/puan dalam perkara ini adalah dihargai.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'


(DATUK HJ. S. ABDILLAH S. HASSAN)
Setiausaha Tetap

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
88999 KOTA KINABALU